

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# KEMASKINI PERKHIDMATAN LRT LALUAN AMPANG/ SRI PETALING: GANGGUAN PERKHIDMATAN DI ANTARA DUA STESEN (BANDARAYA DAN MASJID JAMEK) ATAS FAKTOR KESELAMATAN

**KUALA LUMPUR, 27 Januari 2023** - Perkhidmatan LRT Laluan Ampang/ Sri Petaling kini mengalami gangguan di antara dua stesen iaitu Stesen Bandaraya dan Stesen Masjid Jamek, akibat penjajaran landasan yang bengkok ("*kinked*") berhampiran stesen LRT Bandaraya. Ini adalah disebabkan oleh keretakan struktur jejambat di kawasan tersebut.

Keputusan untuk menghentikan perkhidmatan di antara dua stesen tersebut dibuat selepas mengambil kira faktor keselamatan.

Buat masa ini, siasatan ke atas kekukuhan dan keselamatan struktur jejambat serta punca sebenar sedang dijalankan oleh pihak kejuruteraan Rapid Rail bersama jurutera dari Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Siasatan dan pemerhatian awal pihak APAD mendapati terdapat sebuah projek pembangunan bersebelahan kawasan kejadian yang telah mula dijalankan tanpa sebarang rundingan dengan APAD di bawah Peraturan-Peraturan Kereta Api (Zon Perlindungan Kereta Api) 1998 [P.U. (A) 367].

Namun demikian, kepastian ke atas punca sebenar serta keselamatan dan kekukuhan struktur jejambat masih lagi disiasat sebelum sebarang keputusan untuk mengembalikan perkhidmatan kepada normal dapat dibuat.

Untuk makluman, perkhidmatan tren alternatif telah pun diaktifkan. Tren-tren dari Stesen Putra Heights dan Stesen Ampang berpatah balik di Stesen Hang Tuah, sementara tren-tren dari Stesen Sentul Timur akan berpatah balik di Stesen Bandaraya. Perkhidmatan tren perantara atau ulang-alik di antara Stesen Hang Tuah dan Stesen Masjid Jamek diaktifkan.

Perkhidmatan bas alternatif telah dilancarkan dengan 23 buah bas bagi menampung penumpang-penumpang: -

- Stesen Bandaraya ke Stesen Plaza Rakyat
- Stesen Plaza Rakyat ke Stesen Bandaraya
- Stesen Sentul Timur ke Stesen Bandaraya
- Stesen Bandaraya ke Stesen Sentul Timur
- Stesen Hang Tuah ke Stesen Bandaraya
- Stesen Bandaraya ke Stesen Hang Tuah

Anggota Polis Bantuan juga telah dikerah ke stesen-stesen utama bagi mengawal kesesakan.

Pihak Rapid Rail memohon maaf di atas kelewatan ini dan kesulitan yang dialami oleh para penumpang. Namun demikian, keselamatan para penumpang menjadi keutamaan pihak kami.

-Tamat-

---

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd

1. En Mohd Sofian Hilmi, 019 460 1110
2. Pn. Natasha Irwan Serigar, 013 332 2900